

# USIM mula mengorak langkah di peringkat universiti

**PENJENAMAAN** Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah membakar semangat juang tinggi buat kontinjen USIM pada dua kejohanan yang berlangsung pada 1 hingga 4 Februari lalu di Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Perlis.

Pasukan sepak takraw USIM yang menyertai Kejohanan Sirkuit Takraw Gemilang Masum (Majlis Sukan Universiti Malaysia), berjaya menempa sejarah apabila mendu-

duki tempat ketiga keseluruhan di belakang UiTM dan Universiti Putra Malaysia (UPM) selaku juara dan naib juara.

Kejohanan yang menyaksikan penyertaan terbesar iaitu hampir 44 regu dari seluruh institusi pengajian tinggi (IPT) itu turut menyaksikan kebangkitan regu muda USIM yang berjaya menempatkan diri dalam kelompok 16 pasukan terbaik.

USIM yang pada mulanya tidak langsung diberi perhatian, mencipta kejutan apabila mengalahkan

enam regu dari Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM).

Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Multimedia (MMU) sebelum tewas kepada regu UPM pada peringkat separuh akhir kejohanan tersebut.

Regu UPM dibarisi oleh pemain kebangsaan yang menyertai temasya Sukan Asia di Doha, Qatar,

Disember tahun lalu.

Kejayaan ini merupakan rekod terbaik USIM sejak mula menyertai sirkit ini tiga tahun lalu di bawah nama KUIM.

Sementara itu, pasukan silat olahraga USIM yang menyertai Kejohanan Pencak Silat Jemputan Universiti Malaya (UM) baru-baru ini berjaya merangkul dua pingat emas, satu perak dan 10 gangsa.

Pencapaian ini juga merupakan rekod terbaik USIM yang hanya memperoleh satu perak dan tiga

gangsa pada kejohanan yang sama tahun lalu.

Semangat juang yang dipamerkan oleh pesilat-pesilat muda USIM terserlah walaupun diberitakan ada di kalangan mereka yang cedera, tetapi berjaya membawa pulang pingat untuk kontinjen.

Kejohanan tahunan ini juga disertai beberapa pasukan handalan dan pesilat kebangsaan yang mewakili UiTM, UPM, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan tuan rumah, UM.